



كوفريسي فكاوي كورواسي بئري مئري واراو ساهم
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

10 Mei 2017

Kepada:

Semua anggota Koperasi

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 63

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 63 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 10 Jun 2017 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Besar, Institut Pendidikan Guru,
Kampus Darulaman,
Bandar Darulaman,
06000 Jitra,
Kedah Darul Aman

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.
3. Agenda Mesyuarat;
 1. Melantik Pengerusi Majlis.
 2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 63.
 3. Menerima Etika Mesyuarat Agung.
 4. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 62 yang telah diadakan pada 4 Jun 2016.
 5. Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 35(1) Undang-undang Kecil Koperasi :
 1. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
 2. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim
 3. Zabidi bin Ahmad
 6. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2016.
 7. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya.
 8. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

9. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2018:

- i. Bahagian Kredit
- ii. Bahagian Stesen Servis Petronas Alor Setar
- iii. Bahagian Koservis
- iv. Bahagian Stesen Servis Caltex Changloon
- vi. Bahagian Ar-Rahnu Alor Setar
- vii. Bahagian Ar-Rahnu Guar Chempedak
- viii. Bahagian Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
- ix. Bahagian Perniagaan Gas Petron
- x. Belanjawan Modal/Aset

10. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2017 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.

11. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih daripada RM30juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.


12. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.

13. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.

14. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.

4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.

Dengan Perintah Lembaga,



.....
(HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN ABD WAHAB)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Negeri Kedah Darul Aman,
Jalan Limbong Kapal,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.